

Tidak adil tuduh visi Kepengerusian ASEAN 'tersimpang'



RUSDI OMAR

KRITIKAN terbaharu terhadap kepimpinan Malaysia dalam ASEAN, seperti yang dikemukakan oleh Dr. Bridget Welsh dalam The Jakarta Post, tidak berasas, mengelirukan dan gagal mengiktiraf pendekatan strategik serta komitmen teguh Malaysia dalam memperkukuhkan blok serantau ini.

Hujahan Welsh bukan sahaja lemah dari segi fakta tetapi juga kelihatan didorong sikap berat sebelahnya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuduhan kepimpinan Malaysia dalam ASEAN terlalu berpusat kepada Anwar adalah tidak tepat dan mengabaikan visi luas yang lama diperjuangkan oleh Malaysia dalam ASEAN. Malaysia secara konsisten menekankan perpaduan dan keutamaan ASEAN dalam memastikan kestabilan serantau dan kemakmuran ekonomi.

Pengalaman diplomatik Anwar yang luas serta pengaruhnya di peringkat serantau menjadikan beliau seorang negarawan yang mampu memperkukuhkan peranan ASEAN di peringkat global.

Pelantikan Thaksin Shinawatra sebagai penasihat ASEAN, misalnya, adalah langkah strategik untuk memanfaatkan pengalaman pemimpin serantau dalam membimbing pertumbuhan ASEAN. Langkah ini bukan berdasarkan keutamaan peribadi tetapi usaha yang dikira untuk meningkatkan keberkesanan diplomasi ASEAN. Tambahan pula, Thaksin hanyalah salah seorang daripada beberapa tokoh berpengalaman yang dilantik untuk membantu pembangunan ASEAN.

Selain itu, rekod cemerlang Malaysia dalam memperjuangkan integrasi ASEAN, kerjasama ekonomi dan keselamatan serantau adalah bukti kukuh kepimpinannya jauh melangkaui keperibadian Anwar semata-mata. Kepimpinan Malaysia adalah



MOHAMAD Hasan menjelaskan secara terperinci keutamaan kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 semasa pemukiman Mesyuarat Menteri Luar ASEAN (AMM) di Langkawi, 19 Januari lalu.

tentang memperkukuhkan ASEAN, bukan menjadikannya platform peribadi.

Dakwa Welsh bahawa Malaysia tidak mempunyai pelan hala tuju yang jelas adalah tidak masuk akal, terutamanya apabila agenda strategik Malaysia telah diperincikan dengan jelas dalam pemukiman Mesyuarat Menteri Luar ASEAN (AMM) pada 19 Januari, lalu. Perbincangan komprehensif itu mengesahkan keutamaan utama Malaysia termasuk keselamatan serantau, integrasi ekonomi dan usaha kemanusiaan.

Tema kepengerusian Malaysia, Keterangkuman dan kemampunan, amat penting dalam menangani isu-isu mendesak seperti perlindungan alam sekitar, kerjasama tenaga boleh diperbaharui dan keselamatan makanan. Selain itu, Malaysia memainkan peranan utama dalam memajukan langkah ketahanan iklim menerusi Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Welsh jelas tidak memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam pemukiman AMM. Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menjelaskan secara terperinci keutamaan kepengerusian ASEAN Malaysia 2025:

■ **Memperkukuhkan keutamaan ASEAN:** Malaysia berusaha mempromosikan

kepercayaan strategik antara negara menerusi dialog berterusan, diplomasi dan hubungan baik. Malaysia juga berhasrat untuk memperluaskan kerjasama ASEAN dengan pihak luar, membina satu orde serantau yang pragmatik dan inklusif.

■ **Meningkatkan perdagangan dan pelaburan Intra-ASEAN:** Malaysia komited untuk memperkukuhkan integrasi ekonomi serantau. Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur bukti komitmen ini. Malaysia juga akan memastikan ASEAN dapat memanfaatkan kemajuan dalam sains, teknologi dan inovasi.

■ **Keterangkuman dan kemampunan:** Tema utama Kepengerusian Malaysia menekankan usaha merapatkan jurang pembangunan, meningkatkan taraf hidup serta menangani kesan perubahan iklim bagi mencapai pembangunan dan kemakmuran yang saksama.

Mohamad juga menjelaskan keutamaan ini akan dilaksanakan semua tonggak Komuniti ASEAN dan badan sektor yang berkaitan. Malaysia juga akan mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Visi Komuniti ASEAN 2045 dan menjadikannya sebahagian daripada sidang kemuncak ASEAN ke-46 di Kuala

Lumpur pada Mei ini.

Sementara saranan Welsh mengenai pendekatan Malaysia terhadap Myanmar tidak mencukupi mendedahkan pemahamannya yang cetek terhadap mekanisme diplomasi ASEAN. Malaysia kekal komited terhadap Konsensus Lima Perkara ASEAN sambil menggalakkan pendekatan yang lebih inklusif yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Mohamad menegaskan Malaysia bersedia menggunakan semua saluran diplomasi yang tersedia, termasuk Mekanisme Troika, dalam menangani krisis ini. Malaysia juga menyokong peningkatan bantuan kemanusiaan tanpa diskriminasi serta bekerjasama rapat dengan negara-negara ASEAN dan rakan dialog bagi mencari penyelesaian kolektif.

Bagi dakwaan ASEAN gagal menangani jenayah rentas sempadan pula perlu mengambil kira usaha proaktif Malaysia dalam memerangi perdagangan manusia, penipuan siber dan aktiviti kewangan haram.

Malaysia berada di barisan hadapan dalam memperkukuhkan mekanisme perkongsian risikan dan kerjasama penguatkuasaan undang-undang untuk membanteras rangkaian jenayah serantau.

Hukuman yang lebih berat terhadap sindiket jenayah siber dan perdagangan manusia juga diperkenalkan. Tambahan pula, Malaysia bekerjasama rapat dengan negara-negara ASEAN bagi menangani perjudian dalam talian yang menyalahi undang-undang dan penipuan kewangan.

SERANGAN PERIBADI

Sejarah kritikan Welsh yang berterusan terhadap Anwar menimbulkan persoalan serius tentang objektiviti beliau. Kritikan terbaharunya bukanlah kes terpencil tetapi sebahagian daripada corak lama serangan peribadi terhadap Anwar.

Pada November lalu, Welsh mengkritik keras kerajaan perpaduan dengan membuat dakwaan tidak berasas bahawa ia tidak stabil, mengamalkan Islamisasi konservatif dan menjadi 'kartel Madani' yang lebih mengutamakan pengukuhan kuasa berbanding reformasi. Dakwaan tidak berasas ini ditolak secara meluas sebagai cetek dan mengelirukan.

Berdasarkan rekod ini, wajar untuk menyimpulkan serangan terbaharu Welsh terhadap kepengerusian Malaysia dalam ASEAN lebih didorong oleh 'ketidakadilan' peribadi berbanding analisis objektif terhadap kepimpinan Malaysia.

Kritikan selektif beliau terhadap Malaysia secara mudah mengabaikan cabaran yang dihadapi oleh pengerusi ASEAN sebelum ini mencerminkan satu naratif yang bermotif agenda dan bukannya penilaian yang adil serta seimbang.

Di bawah kepimpinan Malaysia, ASEAN berada pada landasan yang kukuh untuk menangani cabaran serantau dan memperkukuhkan kedudukannya di peringkat global.

Sudah tiba masanya bagi pengkritik seperti Welsh untuk menghentikan naratif yang berunsur prejudis dan mengakui kemajuan nyata yang sedang dicapai oleh Malaysia dalam mengemudi ASEAN ke arah masa hadapan yang lebih cerah.

PROFESOR Dr. Rusdi Omar ialah Dekan di Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie, Universiti Utara Malaysia (UUM).